

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1992/93

April 1993

ZSE 262/3 - Geologi II

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab kesemua ENAM soalan.

Kesemuanya wajib dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

Panduan: Lengkapi jawapan anda dengan lakaran di mana perlu.

1. (a) Proses-proses endogen apakah yang berlangsung pada sempadan-sempadan kepingan litosfera?
(50/100)
- (b) "Aktiviti gunung berapi di Lautan Pasifik berbeza dengan aktiviti volkano di Lilitan Pasifik".
Bincangkanlah pernyataan ini berdasarkan prinsip tektonik keping dan bentuk-bentuk volkano yang diterbitkan.
(50/100)
2. (a) Bagaimanakah dikenalpasti **intensiti** dan juga **magnitud** gempa bumi?
(25/100)
- (b) Apakah sebabnya gelombang gempa P dan S tidak dirakam di sesebuah stesen seismos, manakala gelombang L daripada gempa yang sama boleh dikesan oleh seismograf stesen
(25/100)
- (c) Jenis (-jenis) gempa apakah boleh memiliki episenter di Semenanjung Malaysia? Berilah penjelasan.
(25/100)
- (d) Terangkanlah prinsip seismograf mengufuk dan juga prinsip seismograf menegak.
(25/100)

3. Apakah yang anda ketahui mengenai struktur dalaman banjaran lipatan daripada jenis Jura dan juga daripada jenis Alp?
(100/100)
4. Bahaslah proses luluhawa dan proses hakisan laut yang lazimnya berlaku ke atas tepilaut tenggelam.
(100/100)
5. Berilah keterangan ringkas mengenai kaitan antara:
- (a) "drawdown" dan pemasukan air masin
(25/100)
 - (b) akuifer dan akuiklud
(25/100)
 - (c) faktor geseran dan kederasan aliran sungai
(25/100)
 - (d) beban ampaian dan beban dasar sungai
(25/100)
6. Di antara proses yang disenaraikan, bincangkanlah salah satu proses eksogen dan kesannya ke atas muka bumi:
sama ada luluhawa,
atau susutan darat,
atau pengglasieran,
atau tiupan angin.
(100/100)